

Lengkapkan Sinopsis 'Oren' dengan jawapan yang betul.

kasih sayang	bimbang	merajuk
Anis	taman permainan	empat
Oren	mimpi	Kelabu
	pandangan	

Ayah menjadi begitu resah dan gelisah apabila _____ tidak pulang sejak _____ hari yang lalu. Ayah sedar bahawa dia telah melakukan kesilapan apabila lebih memberikan kemanjaan pada _____. Oleh itu, Oren seolah-olah _____.

Kerisauan ayah membuatkan dia tidak berselera untuk makan. Emak juga berpesan kepada aku, Azura, dan Anis supaya tidak memberikan apa-apa _____ yang mungkin menyinggung perasaan atau menambah rasa _____ ayah.

Kerisauan dan kegelisahan ayah tentang kehilangan Oren telah terbawa-bawa dalam _____. Ayah bermimpi bahawa Oren telah pulang dan dia telah membelai dan memberikan _____ yang selama ini telah diberikan pada Kelabu.

Ayah keluar dari biliknya sambil bertanyakan Oren. Aku mengatakan bahawa aku tidak melihat kelibat Oren. Ayah sedar bahawa dia bermimpi.

Tiba-tiba, _____ muncul di ruang dapur sambil memegang Oren. Walau bagaimanapun, Oren telah mati. Anis memberitahu bahawa dia menjumpai Oren di celah pokok tua yang tumbang di _____. Mata ayah mula berkaca dan semua mata tertumpu pada ayah.